



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

22 JUN 2021 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAH PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

22 JUN 2021 (SELASA)

MKN beri kelonggaran operasi ladang sayur

Kuala Terengganu: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mengaku sekitar pergerakan pembiayaan yang dikuatkuasakan kerajaan sejak awal bulan lalu, punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran.

Katanya, sekatan itu menyebabkan pergerakan lori mengambil sayur di pusat pengeluaran utama hasil tani negara itu di Cameron Highlands terbatas, ditambah dengan prosedur operasi standard (SOP) pekerja ladang turut diperketatkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu. Beliau berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagaimanapun sudah memberi kelonggaran dan tidak menghadkan pergerakan lori, terutama berkaitan rantaian industri makanan selepas perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

turut melonggarkan SOP dan membenarkan pekerja ladang hadir di tempat kerja sehingga 60 peratus,” katanya ketika ditemui selepas melakukan lawatan ke Klinik Kesihatan Kampung Tengkawang, di sini semalam.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, berkata ketemuriannya tidak boleh mengambil tindakan jika berlaku kenaikan harga atas sebab kekurangan harga atas sebab mengambil

pekerja di kebun dan pengaruh kuasaan PKP.

“Kementerian hanya boleh mengambil tindakan ke atas peniaga dan pemborong jika berlaku kenaikan harga secara berlebihan.

“Sebagai contoh, jika sebelum PKP 3.0, harga cili hanya RM6 sekilogram, tetapi dinaikkan sehingga RM12 sekilogram selepas PKP, maka kita boleh mengambil

tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011,” katanya.

Semalam, BH memetik Setiausaha Pertubuhan Komuniti Agro Hulu Selangor, Ramlee Mohd Nasir, berkata alasan harga sayur naik disebabkan PKP dan Cameron Highlands dikenakan PKP Diperketatkan (PKPD) menjadi taktik segelintir pihak memanipulasikan harga borong barang mentah itu.

Berdasarkan pengalaman dan tinjauannya, Ramlee mendakwa, ada pihak pada peringkat peruncit menggunakan alasan sedemikian sebagai helah untuk meningkatkan harga sayur meskipun bukan semua hasil tanaman yang dijual di pasaran berasal dari kawasan tanah tinggi itu.

Meskipun ada kenaikan harga sayur pada peringkat peruncit, beliau berkata, ia hanya menguntungkan sebelah pihak dan bukannya keseluruhan rantai pembekalan.



MKN sudah memberi kelonggaran dan tidak menghadkan pergerakan lori, terutama berkaitan rantaian industri makanan selepas perbincangan diadakan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

“Hasil perbincangan itu, MKN

Kuala Lumpur: Kualiti minyak masak kelapa sawit bersubsidi dalam bungkusan plastik satu kilogram (kg) di pasaran tempatan menepati kualiti yang ditetapkan dan bukan minyak kitar semula.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parvez Ghulam Kadir berkata, harga minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg di pasaran dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Beliau berkata, harga rungitnya tidak boleh dinaikkan melebihi harga kawalan RM2.50 yang ditetapkan.

Malah katanya, subsidi yang diberikan kepada minyak masak plastik 1kg masih pada RM2.50 sebungkus walaupun harga pasaran minyak sawit mentah (MSM) sudah meningkat.

Ini kerana katanya, bekalan minyak masak bersubsidi bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat bagi mendapatkan minyak

Kualiti minyak masak kelapa sawit 1kg terjamin



HARGA minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg di pasaran dikawal oleh KPDNHEP.

masak dengan harga yang berpatutan khususnya untuk golongan berpendapatan rendah.

"Tanggapan minyak masak dalam bungkusan plastik 1kg yang dijual dengan harga subsidi mempunyai kualiti rendah adalah salah.

"Harga minyak masak da-

lam bungkusan plastik 1kg disubsidi dan dikawal oleh kerajaan.

"Oleh itu, harganya lebih murah berbanding harga minyak masak dalam botol di pasaran," katanya dalam kenyataan.

Ahmad Parvez berkata, minyak masak kelapa sawit

di pasaran tempatan dijual dalam pelbagai saiz dari paket plastik 1kg sehingga minyak masak dalam botol bersaiz antara 1kg hingga 5kg.

Katanya, saiz bungkusan 17kg dalam tin pula digunakan oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Kebanyakan minyak masak bungkusan plastik 1kg katanya dikeluarkan syarikat pembungkusan kerana kos operasi yang rendah.

"Minyak masak plastik 1kg biasanya dijual dalam bentuk karton dengan berat 17kg (mengandungi 17 paket 1kg minyak masak).

"Ketika ini terdapat 49 kilang penapis serta 312 syarikat pembungkusan minyak masak beroperasi bagi bekalan minyak masak untuk kegunaan pasaran tempatan yang dianggarkan sebanyak satu juta tan setahun," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 22/06/2021
M/SURAT : 14

	<ul style="list-style-type: none"> Ayam RM5.69 Daging Lembu Tempatan RM35 Daging Lembu Import RM25 	<ul style="list-style-type: none"> Telur Gred A RM9.20 Ikan Kembung RM8.90 Minyak Masak RM6.20 	<ul style="list-style-type: none"> Gula Pasir RM2.80 Bawang Besar Holland RM2.80 Bawang Putih RM5.50 	<ul style="list-style-type: none"> Cili Merah RM7.49 Kubis Tempatan RM1.99 Tepung Gandung RM2.15
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP</small>				